

Bil. S 60

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA (PINDAAN), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan bab 2 dari S 9/06.
 3. Pindaan bab 104.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA (PINDAAN), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda (Pindaan), 2008 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Kanak-Kanak dan Orang Muda, 2006 (S 9/06), dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama.

Pindaan bab 2 dari S 9/06.

2. Bab 2 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam cerai (1), dalam takrifan "place of safety", dengan memotong "100" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "97".

Pindaan bab 104.

3. Bab 104 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan perenggan-perenggan baru yang berikut sejurus selepas perenggan (b) —

(/ba) dalam bab 4, dengan memasukkan "dan Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris kedua;

(/bb) dalam bab 5, dengan memasukkan "dan Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris pertama;

(/bc) dalam bab 5A —

(i) dengan memasukkan "dan Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris pertama;

(ii) dalam proviso, dengan memasukkan "dan Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris pertama;

(/bd) dalam bab 6, dengan memasukkan "dan Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris kedua;

(be) dalam bab 7 —

- (i) dalam cerai (1), dengan memasukkan "atau mana-mana Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris pertama;
- (ii) dalam cerai (2), dengan memasukkan "dan Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris pertama;
- (iii) dalam cerai (3) —
 - (aa) dengan memasukkan "atau Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris pertama;
 - (ab) dengan memasukkan "atau Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris kedua belas;
 - (ac) dalam proviso, dengan memasukkan "atau Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris kedua;
- (iv) dalam cerai (4), dengan memasukkan "atau Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris ketiga;
- (v) dalam cerai (5), dengan memasukkan "atau Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris kedua;

(bf) dalam bab 8, dengan memasukkan "dan Mahkamah Juvenil" sejurus selepas "Majistret" dalam baris kedua;".

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 29 haribulan Mei, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM